

☒ Utusan Malaysia
☐ Mingguan Malaysia

Tarikh: 17/5/2012
 Hari: Khamis M/S: 21
 Ruangan: RENCANA

Pemberontakan Syria: Bashar masih cuba bertahan

Oleh DR. KAMARULNIZAM ABDULLAH
 kamarulnizam@uim.edu.my

SYRIA terus bergolak dan berita terbaru melaporkan bahawa 23 orang askar yang setia kepada rejim Bashar al-Assad terbunuh dalam pertempuran dengan pemberontak di Rastan, 180km ke utara Damasyik.

Ini sekali gus menimbulkan pelbagai persoalan tentang pendudukan dan campur tangan masyarakat antarabangsa dalam meredakan pergolakan yang timbul. Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) contohnya telah melantik mantan Setiausaha Agungnya, Kofi Annan sebagai utusan khas untuk menengahi pertempuran antara kedua-dua belah pihak.

Liga Arab yang diketuai oleh Arab Saudi sebagai broker damai dikatakan masih berusaha untuk membawa kedua-dua belah pihak ke meja perundingan walaupun beberapa percubaan sebelum ini gagal. Kesatuan Eropah bagaimanapun, menggunakan pendekatan yang lebih keras dengan amaran akan terus mengenakan sekatan ekonomi dan politik terhadap Syria jika sekiranya konflik yang telah mengorbankan beribu nyawa tersebut tidak diselesaikan dengan segera.

Setakat ini penyelesaian konflik politik Syria masih menemui jalan buntu. Presiden Bashar masih berdegil dan terus melancarkan serangan terhadap kubu kuat pihak pemberontak. Apa yang pelik ialah Bashar yang mewarisi pemerintahan dari bapanya, Hafez al-Assad dan menerima pendidikan

perubatan dari England menggunakan pendekatan kekerasan dalam berhadapan dengan penentangnya.

Selepas kematian Hafez, Bashar dilihat sebagai pemimpin politik yang bersedia untuk berubah dari stail pemerintahan kuku besi bapanya. Beliau telah memansuhkan Undang-undang Darurat yang diperkenalkan oleh bapanya. Secara umumnya, beliau seharusnya lebih terbuka kepada tuntutan perubahan politik sekarang seperti mana yang berlaku di Jordan. Tetapi sehingga kini beliau masih lagi gagal menawarkan reformasi politik seperti mana yang dituntut oleh sebahagian besar rakyatnya.

Dimensi teori domino dikatakan faktor utama yang amat membimbangkan rejim Bashar. Apa yang berlaku di Damasyik dan seluruh Syria merupakan tetapan dari gelombang yang dikenali sebagai *The Arab Spring* yang melanda dunia Arab apabila revolusi di Tunisia, Libya dan Mesir telah menjatuhkan rejim autokratik yang sekian lama menguasai negara-negara tersebut. Syria tidak bersendirian. Beberapa negara Teluk seperti Bahrain juga menerima tempas gelombang pembaharuan politik tersebut. Negara-negara yang tidak mengimalkan sistem demokrasi di rantau tersebut dikatakan semakin bimbang dengan perkembangan yang berlaku.

Tidak hairanlah apabila Bahrain berhadapan dengan konflik yang serupa pada tahun lalu. Arab Saudi telah menghantar tenteranya di bawah panji Pertubuhan Kerjasama Negara-negara Teluk bagi mereda-

kan keadaan. Perkembangan di Bahrain mempunyai kesan limpahan kepada Arab Saudi lebih-lebih lagi apabila Riyadh masih berhadapan dengan penentangan kumpulan Syiah di timur negara tersebut.

Konflik ini juga telah memberikan perubahan ketara kepada lanskap politik Syria. Imbangan status quo politiknya tidak stabil di mana beribu askar, pegawai kerajaan serta ahli politik berpaling tadah dan menyertai pihak pemberontak dan pembangkang.

Dalam tempoh setahun pemberontakan berlaku, kerajaan buangan dikenali sebagai Lembaga Kebangsaan Syria telah ditubuhkan. Kerajaan buangan ini dianggotai oleh kumpulan pembangkang dan mereka yang lari kerana khuatir akan ditangkap, disiksa dan dipenjarakan oleh rejim Bashar.

Kerajaan buangan ini walaupun begitu masih gagal meraih sokongan kuasa-kuasa besar lebih-lebih lagi apabila wujudnya pergeseran dalaman antara pemimpinnya. Konflik dalaman kerajaan buangan ini sebenarnya memberi kelebihan kepada rejim Bashar.

Kedegilan rejim Bashar untuk berkompromi adalah disebabkan beliau masih memegang sokongan yang kuat daripada kalangan elit yang berkuasa dalam negara. Apa yang lebih penting beliau juga menerima sokongan politik daripada sekutu kuatnya Rusia dan Republik Rakyat China (PRC).

PBB melalui Majlis Keselamatan Syria cuba meluluskan resolusi mengesahkan tindakan kekerasan Damasyik terhadap kumpulan penentangnya tetapi ia telah disekat oleh Moscow dan Beijing.

Sokongan politik ini sudah cukup untuk menyelamatkan rejim Bashar dari terus menerus menerima tekanan-tekanan antara-bangsa terutamanya dari Kesatuan Eropah

dan Amerika Syarikat (AS). Malah AS sendiri mungkin agak serba salah dalam menyatakannya pendirian untuk mengesahkan Syria.

Dari satu sisi, matlamat pentadbiran Obama untuk mewujudkan kerajaan demokrasi seluruh dunia terutamanya di dunia Arab akan tercapai tetapi dalam satu sisi yang lain kelantangannya mungkin akan mengundang padah kerana Washington juga memerlukan sokongan Damasyik dalam kempennya menekan dan "mengasingkan" Iran dalam isu pembangunan nuklear.

Apa yang agak menarik mengenai konflik Syria ini, yang mungkin tidak diketahui oleh rakyat Malaysia ialah ia juga mempunyai ciri-ciri perbalahan mazhab antara kumpulan minoriti tetapi amat berkuasa di Syria dengan kumpulan majoriti Sunni. Keadaan di Syria amat berbeza jika dibandingkan dengan Bahrain jika kita melihat dari konteks tersebut.

Di Bahrain, majoriti rakyatnya adalah berfahaman Syiah, manakala keluarga diraja Bahrain yang memerintah semenjak penamatan era kolonial British adalah dari golongan Sunni. Itulah sebabnya pergolakan di Bahrain banyak mendapat sokongan dari dalam Iran akibat dari persefahaman mazhab tersebut.

Tetapi di Syria, golongan yang berkuasa dan elit politik adalah dikuasai oleh golongan Syiah yang dikenali sebagai Alawit. Menurut sarjana kajian Asia Barat, Dr. Daniel Pipes, golongan Alawit Syiah ini merupakan sebahagian dari kelompok 12 Imam Syiah yang dahulunya dikenali sebagai *Nazarys or Ansaris*.

Antara strategi yang dilakukan oleh mereka ialah dengan bergerak aktif politik melalui Parti Baath dan secara perlahan menguasai kepimpinan parti tersebut. Apabila

pemimpin politik Alawit ini menguasai Parti Baath dan seterusnya tampuk pemerintahan negara, mereka telah menarik pemimpin tentera, parlimen, dan kerajaan dari kalangan Alawit secara perlahan-lahan.

Apa yang menarik ialah Alawit hanya mewakili 12 peratus dari penduduk Syria yang berjumlah 23 juta orang. Penguasaan kumpulan Alawit juga merangkumi sektor ekonomi. Oleh demikian, tidak hairanlah Bashar mendapat sokongan padu di kalangan pemimpin tentera, politik, dan perniagaan kerana sektor ini dikuasai oleh golongan Alawit. Tambahan lagi, Bashar juga telah meletakkan saudara dan rakan-rakannya dalam mengisi jawatan-jawatan penting tentera dan politik.

Pihak tentera yang dikuasai oleh golongan Alawit adalah tulang belakang kepada kelangsungan politik Presiden Bashar. Kebanyakan ahli kumpulan pembangkang dan mereka yang lari dari konflik ke luar negara adalah dari golongan Sunni.

Ketidaksatuan mereka dalam merangka strategi menjatuhkan kerajaan Damasyik memberikan kekuatan kepada Bashar sendiri. Malah sesetengah penganalisis politik meramalkan bahawa rejim Bashar akan terus menguasai lanskap politik Syria dengan lebih banyak pendekatan kekerasan akan diambil bagi melemahkan pemberontakan. Agar sukar diramalkan sejauh mana sekatan ekonomi Kesatuan Eropah mampu menekan rejim Damasyik ke meja rundingan. Presiden Bashar tahu bahawa *the wild card* masih lagi berada di tangannya.

DR. KAMARULNIZAM ABDULLAH
 Profesor Pengajian Keselamatan
 Antarabangsa di Universiti Utara Malaysia